

Keamanan boleh dirampas

erti keamanan.

Sudah pasti kita akan lebih memahami betapa peritnya perasaan nenek moyang kita ketika menentang penjajah.

Jika diimbak kembali detik cemas 12 Februari lalu yang menyaksikan Pantai Timur Sabah diceroboh pengganas yang nekad menggugat keselamatan negara.

Peristiwa ini jelas menggambarkan kepada kita bahawa keamanan yang kita miliki sekarang bukanlah hak milik mutlak negara kita.

Rakyat perlu peka

Rakyat Malaysia seboleh-

bolehnya tidak mahu keadaan seperti itu berlaku di negara kita. Kita memasang harapan agar episod penderitaan seperti yang dialami oleh masyarakat Palestin tidak berlaku kepada rakyat Malaysia.

Namun begitu, keamanan yang kita kecapi ini bukanlah menjadi titik tolak untuk kita terus berpuas hati tanpa usaha meningkatkan kesedaran majoriti mengenai erti keamanan.

Seharusnya, sebagai rakyat Malaysia yang mementingkan kemakmuran negara haruslah tahu peranan masing-masing

dengan menjadi mata dan hati kepada pasukan keselamatan negara.

Orang ramai boleh membantu mereka membanteras kegiatan yang boleh merampas kedaulatan negara kita, yakni kedaulatan yang memerlukan masyarakat, polis dan tentera sebagai paksi utama dalam merealisasikan matlamat itu dalam misi untuk mengekalkan keamanan negara.

Wujudkan perpaduan

Malaysia yang dikenali sebagai negara yang berstatus aman makmur mempunyai masyarakat berbilang kaum, berasal daripada pelbagai jenis bangsa dan budaya.

Masyarakat mesti berpegang teguh pada konsep perpaduan serta berjanji setia untuk terus bersama-sama

mengekalkan keamanan negara berdaulat ini.

Tanpa mengambil kira sebarang aspek perbezaan kaum, seluruh rakyat Malaysia seharusnya memberikan sokongan padu kepada pasukan keselamatan negara yang bertungkus lumus mempertahankan maruah bangsa dan tanah air daripada dipijak sewenang-wenangnya pihak tidak bertanggungjawab.

Jangan kerana hanya memikirkan kepentingan politik, isu keselamatan juga turut dipertikai.

Apalah kiranya andai kita seluruh warga Malaysia dapat sama-sama berhimpun, tanpa sedikit pun mengambil kira puak dan warna bendera, menadahkan tangan memohon agar keamanan negara Malaysia

dapat dikekalkan, memohon agar kesejahteraan Malaysia terus terpelihara dengan izinNya.

Jelaslah kepada kita betapa pentingnya untuk meningkatkan kesedaran umum mengenai keamanan sejagat, demi memelihara kedaulatan serta maruah tanah air kita.

Hapuskanlah setiap perbezaan serta jurang yang wujud dalam kalangan kita rakyat Malaysia, demi mewujudkan masyarakat yang harmoni, yang cinta akan keamanan negara, dalam usaha untuk melaksanakan agenda utama negara kita yang berpaksikan kepada kesejahteraan dan keamanan.

Noorhanizah Januin

Universiti Sains
Islam Malaysia